

# Malaysia tak memihak pada mana2 negara Islam – PM

“Perang Iraq-Kuwait hanya  
untungkan AS dan Yahudi”

UM 3 - OCT 1990

**K**UALA TERENGGANU 2 Okt. — Malaysia tidak memihak kepada mana-mana negara Islam dalam perang Iraq- Kuwait yang hanya merugikan umat Islam dan menguntungkan orang-orang Amerika dan juga Yahudi, kata Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini.

Perdana Menteri berkata, beliau tidak nampak apa-apa keuntungan bagi orang-orang Islam dari penaklukan Kuwait oleh Iraq.

“Sebaliknya ia akan merugikan umat Islam dan mereka akan menderita, manakala seluruh kekayaan negara anugerah Tuhan yang boleh digunakan untuk membangunkan umat Islam tidak lagi dapat diselamatkan,” katanya.

Wang yang banyak terpaksa dibelanjakan untuk membiayai keperluan tentera-tentera asing di Arab Saudi yang datang membantu mereka dan membeli kelengkapan peperangan yang akan digunakan untuk membunuh sesama Islam, tegas Perdana Menteri ketika berucap di majlis perasmian syarikat percetakan Yayasan Islam di kawasan perindustrian Gong Badak dekat sini petang ini.

Dato' Sri Dr. Mahathir berkata, ramai yang berpendapat seluruh Arab Saudi adalah tanah suci yang tidak boleh diinjak oleh bukan Islam, tetapi orang-orang bukan Islam sudah lama

berada di Arab Saudi membantu membangunkan negara tersebut khususnya dalam industri minyak.

Bagaimanapun kemasukan bala tentera asing yang bukan Islam untuk melindungi Arab Saudi adalah disebabkan oleh sikap orang Islam sendiri, tambahnya.

## Musyawarah

Menurut beliau, sekiranya pemimpin negara-negara Islam itu berunding dan merujuk kepada Al Quran, penyelesaian akan dapat dicapai.

“Tetapi kerana mereka tidak tahu menguruskan pentadbiran negara, seluruh harta kekayaan yang ada mungkin tidak boleh lagi diselamatkan,” ujar beliau.

Serentak dengan itu, beliau turut menyeru seluruh umat Islam di negara ini supaya jangan memberi sokongan kepada sebarang usaha untuk memecahbelahkan mereka sehingga menimbulkan permusuhan.

“Sebaliknya jika ada perselisihan, sepatutnya diadakan musyawarah mengikut landasan Islam. Inilah harapan kita dalam usaha memperluaskan kefahaman Islam yang sebenarnya termasuk dengan penubuhan percetakan Yayasan Islam.”